



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 12 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AKTIVITI PERTANIAN PUNCA SUNGAI LEREH TERCEMAR, NASIONAL, BH-20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	7,000 PETANI MANFAAT BANTUAN BAJA ORGANIK, NASIONAL, HARAKAH -H14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	'1,000 BIJI NAGA HIJAU HABIS SEHARI', NEGARA, KOSMO -14	
4.	MUSANG KING TURUN HARGA, KINI HANYA RM25 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO-14	
5.	USAHA JAMAL ABDILLAH TERNAK LEMBU DIPUJI, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	BEKALAN LEMBU KORBAN CUKUP UNTUK SAMBUTAN AIDILADHA, DALAM NEGERI, UM -4	
7.	LEMBU THAILAND, MYANMAR TAMPUNG STOK IBADAH KORBAN, NEGARA, KOSMO -5	
8.	PERAK PENGELUAR TERBESAR AROWANA, BISNES, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	FAKTOR CUACA PUNCA HARGA IKAN, HASIL LAUT NAIUK DI KEDAH, NASIONAL, BH -16	
10.	IKAN HIASAN: PERAK JADI PENYUMBANG TERBESAR, LOKAI, HM -8	
11.	YOUNG BLOOD NEEDED TO HELP SHAPE FISHING INDUSTRY'S FUTURE, ENGLISH SECTION, HARAKAH -E27	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12.	BEKALAN LEMBU KORBAN DIJAMIN CUKUP, LOKAL, HM -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	SWEET REWARD FROM HOBBY, NEWS, THE SUN DAILY -4	
14.	HARGA IKAN, HASIL TANGKAPAN LAUT TERUS MENINGKAT, LOKAL, HM -19	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	YOUNG BLOOD NEEDED TO HELP SHAPE FISHING INDUSTRY FUTURE, HOME, BP -10	
16.	LIMA MUSIM DALAM 2 TAHUN, LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
17.	MADA JADI PERINTIS TANAMAN PADI LIMA MUSIM, NASIONAL, SH -11	
18.	PROJEK RINTIS BERSAMA MADA BERMULA SEPTEMBER, NASIONAL, BHJ -16	
19.	'5 SEASON, 2 YEARS' PADI PROJECT STARTS WITH MADA, NEWS, NST -8	
20.	GOVT TO START PILOT FIVE-SEASON PADI FARMING PROJECT, NWB, THE SUN -2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Aktiviti pertanian punca Sungai Lereh tercemar

Melaka: Kerajaan negeri mengenali pasti masalah pencemaran di Sungai Lereh dan beberapa anak sungai lain yang airnya bertukar menjadi kehijauan dipercayai berpunca daripada kegiatan pertanian dan pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong, berkata isu pencemaran sungai itu terus berlaku di Klebang walaupun beberapa aduan sudah dibuat orang ramai kepada pihak berwajib.

"Kita menerima beberapa aduan sejak tempoh enam bulan pertama tahun ini dan melihat masalah itu seperti sudah selesai, tetapi dalam tempoh jangka masa tertentu ia berulang semula, sekali gus menjadikan isu pencemaran ini tidak dapat diselesaikan.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga sudah mengambil sampel air untuk melakukan ujian. Tindakan tegas perlu diambil, termasuk



Sisa kumbahan ternakan cernari Sungai Lereh

Keratan akhbar BH, 20 Februari lalu.

mendakwa pihak yang terbahit kerana melakukan pencemaran yang menimbulkan permasalahan, terutama kepada nelayan di sekitar Klebang," katanya.

Beliau berkata demikian pada program 360 Waste Solution anjuran SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) bersama Pakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam di Bukit Rambai, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin serta Dekan Penyelidikan dan Inova-



Bang Hong (kanan) menanam pokok sempena program 360 Water Solution di Bukit Rambai, semalam.

(Foto Nazri Abu Bakar/BH)

si Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam, Prof Dr Aidah Jumahat.

Bang Hong berkata, beliau juga akan membawa isu pencemaran itu pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka ti-

dak lama lagi.

"Ia bertujuan bagi memastikan semua pihak, terutama kerajaan negeri, kementerian yang terbahit serta pihak berkuasa negeri memandang serius mengenai isu ini.

"Penyelesaian lengkap perlu

dilaksanakan bagi menjamin punca pencarian dan pendapatan nelayan di sini dan sekitarnya pencemaran sungai ini jika tidak dihentikan, dibimbangi tahap pencemaran alam sekitar tidak dapat dipulihkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	HARAKAH	NASIONAL	H14

7,000 petani manfaat bantuan baja organik

Oleh **SALMAH MAT HUSAIN**
Foto **RIZAL TAHIR**

TANAH MERAH: Seramai 7,000 petani di seluruh Kelantan menerima manfaat bantuan program baja organik yang melibatkan kos hampir RM2 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Sarifudin Tuan Ismail berkata, program berkenaan mula diperkenalkan 2017 diurus Jabatan Pertanian Negeri dan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd.

Katanya, program berkenaan sekarang memasuki tahun ketujuh diperbaharui dari segi dasar dan garis panduan bagi memantapkan lagi bidang perniagaan.

"Bagaimanapun permohonan petani untuk mendapatkan baja berke-

naan tahun ini masih lagi rendah. Sedangkan baja tersebut termasuk jenis cecair mampu meningkatkan hasil tanaman.

"Amat wajar tanah-tanah terbiar diusahakan semoga tanaman kita dapat dihasilkan melalui baja yang sihat," katanya pada program Bantuan Baja (Organik) peringkat negeri di Markas Tarbiah Tanah Merah (MATTAM) baru-baru ini.

Hadir sama Adun Bukit Panau Dato' Abdul Fattah Mahmood, wakil Jabatan Pertanian Kelantan dan

Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah serta wakil Kelantan Biotech.

Tuan Mohd Sarifudin juga berkata, bagi fasa pertama tahun ini, seramai 511 petani akan menerima sebanyak 3,299

beg baja organik dan 335 botol baja organik cecair.

Katanya ia dapat dimanfaatkan di kawasan pertanian seluas 1,319 ekar.

Katanya juga pada tahun 2017 seramai 1,174 petani menerima baja tersebut yang menguasai kawasan pertanian seluas 2,528 ekar, melibatkan 110 tan baja organik.

"Jumlah makin bertambah pada tahun 2018, apabila seramai 1,265 petani menerima bantuan baja tersebut melibatkan kawasan tanaman 2,680 ekar dan 196 tan baja diagih," ujarinya.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail melancar program bantuan baja organik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	KOSMO	NEGARA	14

Lebih popular, mampu lawan kelazatan durian *black thorn* di Pulau Pinang

'1,000 biji naga hijau habis sehari'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Durian naga hijau kali ini dikatakan mampu tersenarai dalam ranking raja buah popular mendahului *black thorn* atau duri hitam berkulit hitam permintaannya yang tinggi dalam kalangan peminat durian di negeri ini.

Pemilik dusun, Kenny Soong Joon Sin, 48, berkata, durian kahwin yang berasal dari daerah Barat Daya itu kini menjadi buruan penggemarnya apabila laris dijual kira-kira 1,000 biji sehari.

Menurutnya, dia juga tidak menyangka buah yang mula diperkenalkan lebih sedekad lalu itu kini mula digilai ramai terutama di kawasan Tanjung Tokong, Sungai Ara dan Balik Pulau sejak mula luruh tiga minggu lalu.

"Naga hijau ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Harganya tidak tinggi iaitu antara RM15 hingga RM20 sekilogram, setengah harga daripada musang king yang kini dijual RM40 hingga RM50 sekilogram, manakala duri hitam RM70 hingga RM80 sekilogram.

"Sebanyak 40 raga yang setiap satunya berisi 35 hingga 40 biji naga hijau habis dalam masa sehari. Memang buah ini popular jika hendak dibandingkan dengan *black thorn*," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Jelas Kenny, tidak semua pelanggan berpeluang membeli durian premium terutama duri hitam disebabkan harganya yang masih tinggi.

"Pelanggan hanya beli minimum sebiji atau dua biji duri hitam kerana harganya boleh mencecah RM200 hingga RM300



SOONG PECK CHEOW menunjukkan durian naga hijau yang ditempah pelanggan ketika ditemui di Sungai Ara, Bayan Lepas semalam.

sebiji," katanya.

Mengulas mengenai naga hijau, Kenny berkata, durian tersebut berbentuk bujur telur dengan liputan kulitnya tajam dan bersaiz besar, manakala isi dalamnya pula berwarna kuning serta rasanya berlemak, pahit dan kenyal.

Sementara itu, seorang pelanggan dan peminat durian naga hijau yang mahu dikenali sebagai Lim, 70, memberitahu, dia tertarik dengan durian naga hijau berbanding jenis premium lain

terutama musang king kerana isinya juga tebal.

"Saya sanggup datang dari Green Lane, George Town ke Sungai Ara setiap Ahad sejak awal Mei lalu bagi mencari buah kahwin khususnya naga hijau yang mula dijual hujung Mei lalu.

"Memang tidak akan ketinggalan untuk membelinya bersama durian jenis lain walaupun hanya dua biji naga hijau. Rasanya yang lemak berkrim memang sangat puas apabila dimakan," tambahnya.

Isi naga hijau yang berwarna kuning, berlemak dan kenyal menjadi pilihan peminat di Pulau Pinang.

SEORANG peniaga menunjukkan isi durian naga hijau, antara raja buah paling istimewa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	KOSMO	NEGARA	14

Musang king turun harga, kini hanya RM25 sekilogram



RASHID menunjukkan durian musang king yang dijualnya pada harga RM28 sekilogram di Kampung Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Oleh NURUL Irdina Sumali dan Syahratul AuFa

KUALA LUMPUR – Durian musang king yang sebelum ini dijual dengan harga yang tinggi kini turun kepada RM25 sekilogram.

Hasil tinjauan Kosmo! di sekitar bandar raya Kuala Lumpur mendapati, harga raja buah itu semakin menurun berbanding tahun lalu.

Menurut peniaga durian musang king, Rashid Sidek, 49, berkata, harga musang king kini lebih murah dan dijual mengikut gred tertentu.

"Gred C boleh didapati dengan harga RM28 sekilogram berbanding tahun lalu yang boleh mencecah sehingga RM38 sekilogram," katanya ketika ditemui di Kampung Baru, di sini baru-baru ini.

Katanya, stok durian kini juga lebih mudah didapati oleh peniaga dan dia mengambil bekalan dari Sungai Ruan, Raub di Pahang.

"Alhamdulillah permintaan tinggi, buah pun senang dapat jadi harganya mampu untuk semua," katanya.

Seorang lagi peniaga di Chow Kit, Kamarudin Keman, 60, berkata, durian tempatan sentiasa menjadi pilihan orang ramai.

Katanya, dia mengambil musang king dari Raub dan dijual pada harga berpatutan.

"Kebanyakan durian yang kami jual diambil dari Raub. Saya akan jual dengan harga sekitar RM25 sehingga RM30 mengikut permintaan," katanya.

Tambahnya, dia juga sering menawarkan harga yang lebih murah terutama kepada warga

tempatan dan pemborong.

"Saya suka beri diskaun, terutama jika pembeli atau pemborong meminta harga murah, kita berikan saja," katanya.

Malah, hasil tinjauan mendapati, permintaan terhadap raja buah itu juga semakin meningkat sejak beberapa minggu ini.

Penjual durian, Saiffudin Bakar, 53, berkata, ramai pembeli mula memborong durian dengan kuantiti yang banyak.

"Ramai sangat yang suka dengan durian. Lebih-lebih lagi sekarang ini memang sudah musim. Ada yang sampai habis sehingga RM500 sekali beli," katanya.

Tambahnya, warga asing termasuk pelancong-pelancong juga tidak melepaskan peluang untuk mencuba kelazatan dan rasa eksotik raja buah ini.

Usaha Jamal Abdillah ternak lembu dipuji

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memuji usaha dilakukan penyanyi Datuk Jamal Abdillah yang menternak lembu secara komersial di Perak.

Menerusi hantaran dalam laman sosial rasminya, agensi itu turut memaparkan beberapa foto eksklusif suasana premis yang diusahakan Raja Pop itu di daerah Kerian.

“Inisiatif beliau demi menyahut seruan kerajaan memastikan keterjaminan makanan negara, selain ditambah minat yang mendalam dalam bidang pertanian,” katanya.

Semalam, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali meluangkan masa melawat ladang itu yang dibuka lebih sebulan lalu.

Mengulas lanjut, JPV berkata, Jamal atau nama sebenarnya Jamal Ubaidillah Mohd. Ali, 64, sebelum ini aktif dalam bisnes penternakan ikan arowana di Bukit Merah sejak 2009.

“Malah, beliau melahirkan impian tinggi untuk mengem-



banakan lagi penternakan tersebut dengan berhasrat menternak kambing pula selepas ini,” ujarnya.

Agensi berkenaan turut memberi kata-kata semangat serta berharap agar usaha murni dilakukan Jamal akan berjaya dan menjadi contoh kepada belia menceburi penternakan.

Bagaimanapun, JPV tidak menyatakan secara terperinci bilangan haiwan yang diternakinya, namun tular satu video memaparkan beliau membawa masuk lembu dari Kelantan menggunakan treler 10 tan.



JAMAL (tengah) memberi taklimat mengenai ladang ternakan lembu yang diusahakannya di Kerian, Perak semalam. – IHSAN JPV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Bekalan lembu korban cukup untuk sambutan Aidiladha

KOTA BHARU: Bekalan lembu untuk sambutan Aidiladha ada tahun ini mencukupi untuk umat Islam di negara ini menjalankan ibadah korban.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, hasil tinjauan yang dilakukan pihaknya mendapati tidak timbul rungutan daripada orang ramai berkait dengan bekalan ternakan tersebut.

Menurutnya, pada masa sama harga lembu tidak terlalu tinggi sekali gus memberikan kelegaan kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadah berkenaan.

“Saya boleh katakan setakat ini bekalan lembu cukup. Harga tidak menentu dan kebiasaannya mengikut jumlah bekalan,” katanya kepada pemberita.

Lembu Thailand, Myanmar tampung stok ibadah korban

KOTA BHARU – Bekalan lembu yang diimport dari Thailand dan Myanmar akan menampung permintaan umat Islam di negara ini untuk melaksanakan ibadah korban sempena Aidiladha ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kaedah itu diambil kerajaan dalam usaha untuk memastikan haiwan ternakan itu sentiasa ada dalam pasaran negara.

"Kementerian juga sudah menjalankan tinjauan dan tiada rungutan diterima daripada orang ramai mengenai bekalan ternakan lembu ketika ini.

"Ternakan lembu dari Thailand dan Myanmar banyak dibawa masuk ketika ini. Kos mengimport lembu dari negara berkenaan menjadikan harga haiwan tersebut mengalami

sedikit peningkatan apabila ia melibatkan kos pengangkutan dan proses kuarantin.

"Bekalan lembu setakat ini masih cukup meskipun harganya tidak menentu. Kebiasaannya, harga lembu akan ditetapkan mengikut jumlah bekalan," katanya selepas melawat Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini semalam.

Jelas beliau, selain bekalan lembu, kerajaan turut memberi jaminan bekalan bahan mentah lain mencukupi sepanjang Aidiladha nanti.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk menyediakan bilik sejuk beku di RTC Tunjong dalam usaha mengukuhkan bekalan makanan negara.



MOHAMAD (tengah) meninjau jualan sayur-sayuran semasa melawat RTC Tunjong di Kota Bharu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	SINAR HARIAN	BISNES	29

Perak pengeluar terbesar arowana

IPOH - Perak merupakan penyumbang terbesar kepada industri ikan hiasan arowana atau kelisa negara apabila merekodkan pengeluaran sebanyak 1,108,450 ekor ikan berkenaan tahun lepas.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah berkenaan adalah sebahagian besar daripada pengeluaran sebanyak 1,172,544 ekor arowana negara pada 2022.

"Nilai dagangan bagi arowana pada 2022 mencatatkan RM87 juta secara keseluruhan dan Perak telah menyumbang sebanyak 72 peratus nilai dagangan itu," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, negeri lain yang turut menyumbang adalah Johor dengan 66,367 ekor, Selangor (21,200), Pulau Pinang (19,137), Melaka (2,096) dan Negeri Sembilan (1,565).

Katanya setakat ini, sebanyak 96 ladang arowana telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan yang beroperasi di



Sebanyak 96 ladang arowana telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan beroperasi di Bukit Merah, Perak.



ADNAN

Bukit Merah dengan keseluruhan ladang berkeluasan 145 hektar.

Sementara itu, Adnan berkata, nilai dagangan ikan hiasan seluruh negara mencatatkan RM370 juta hasil pengeluaran 245 juta ekor ikan hiasan.

"Perak telah mengeluarkan kira-kira

63 juta ekor ikan hiasan yang menyumbang kepada nilai dagangan sebanyak RM92 juta dan pasaran utama eksport lebih

50 peratus ikan kelisa negara kita adalah China.

"Ikan hiasan ini juga turut dieksport ke Jepun, Korea Selatan, Sri Lanka, Ireland, Vietnam dan Thailand manakala jenis ikan yang dieksport adalah jenis Malaysia Gold, Highback, Nami, Silver dan Super Red," katanya.

Menurut Adnan, Jabatan Perikanan telah mewujudkan satu Pelan Strategik Pengurusan Perikanan Darat bagi tempoh 2021-2025 sebagai garis panduan untuk pelaksanaan pengurusan perikanan darat di Malaysia termasuklah kawasan santuari.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Faktor cuaca punca harga ikan, hasil laut naik di Kedah

Kuala Kedah: Harga ikan dan hasil tangkapan laut di sini terus meningkat berikutan keadaan ombak kuat dan angin kencang sejak hampir sebulan lalu.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini mendapati ikan kembung mencecah RM15 sekilogram berbanding RM7 hingga RM10 sebelum ini.

Nelayan mendakwa kekurangan hasil tangkapan ikan serta hasil tangkapan laut mungkin berlarutan hingga Aidiladha bergantung kepada keadaan cuaca, walaupun mendapat permintaan tinggi.

Nelayan, Nazri Ahmad, 52, berkata keadaan ombak di tengah laut setinggi 0.5 hingga 1.5 meter menyebabkan kebanyakan nelayan terpaksa berpatah balik kerana bimbang dipukul ombak.

Dia hanya menangkap ikan di pesisir Kuala Seawal jam 6 pagi dan pulang ke pelantar sekitar jam 9 atau 10 pagi dengan hasil tangkapan sekitar satu atau dua kilogram sahaja.

"Ditambah pula dengan musim kurang musim ikan waktu ini, tangkapan diperolehi cukup, walaupun sedikit.

"Antara ikan yang selalu dapat adalah senangin, gelama, tamban dan kembung. Cukuplah untuk modal duit minyak dan untuk makan setiap hari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga runsing

Peniaga ikan, Khadijah Md Syah, 48, berkata, hasil ikan dan laut yang berkurangan merunsingkan peniaga serta nelayan kerana jualan merosot.

Katanya, mereka hanya bergantung pada hasil jualan ikan dan tangkapan laut setiap hari tetapi disebabkan tangkapan ikan kurang, mereka tidak dapat berbuat apa-apa melainkan menjual apa yang ada.

"Harga ikan kembung hari ini (semalam) sekitar RM15 sekilogram dan mungkin lebih mahal di pasar awam kerana di sini kami jual dengan harga peraih yang lebih murah.

"Harga udang rotan pula mencecah RM25 sekilogram, manakala harga udang putih mencecah RM40 sekilogram.

"Tahun ini cabaran buat nelayan dan peniaga ikan di sini kerana harga ikan tidak menentu sejak awal tahun dan meningkat jika keadaan cuaca tidak menentu serta ombak kuat di tengah laut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	HARIAN METRO	LOKAL	8

Ikan hiasan: Perak jadi penyumbang terbesar

Ipoh: Perak merupakan penyumbang terbesar kepada industri ikan hiasan arowana atau kelisa negara apabila merekodkan pengeluaran sebanyak 1,108,450 ikan berkenaan tahun lalu.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, jumlah berkenaan adalah sebahagian besar daripada pengeluaran sebanyak 1,172,544 ekor arowana negara pada 2022.

“Nilai dagangan bagi arowana pada 2022 mencatatkan RM87 juta secara keseluruhan dan Perak te-

lah menyumbang sebanyak 72 peratus nilai dagangan itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, negeri lain yang turut menyumbang adalah Johor dengan 66,367 ekor, Selangor (21,200), Pulau Pinang (19,137), Melaka (2,096) dan Negeri Sembilan (1,565).

Katanya, setakat ini, sebanyak 96 ladang arowana sudah berdaftar dengan Jabatan Perikanan yang beroperasi di Bukit Merah dengan keseluruhan ladang berkeluasan 145 hektar.

Young blood needed to help shape fishing industry's future

'Youth perception and effectiveness of the Government's Stimulus Package in the Malaysian Fisheries Industry', 50.7 per cent of respondents were satisfied, while 49.3 per cent were not satisfied with the government's initiatives for fishermen.

Proposals

Throughout the report, MARDI also pointed out the challenges might have contributed to the lack of youth involvement in the fisheries industry, namely difficulties in getting technical assistance, inadequate support, and bureaucratic problems.

Although the government agencies are directly involved in fisheries training programmes, it argued that the

initiatives are not comprehensive and do not focus on the needs of youth.

The report said that thus, to attract young people to join the fishing industry, the government should promote fishing as an entrepreneurship activity that generates good income and provides financial security.

It proposed that more incentives should be extended to those who are keen to start a career as fish-based entrepreneurs, especially for deep-sea fishing activities, aquaculture venture, and processing industries that promise higher incomes.

The report also highlighted bureaucracy issues, such as delays in approving licence renewals or new applications, which are areas of concern.

among young fishermen.

Therefore, the agencies involved need to be more attentive to the problems involving youth as such problems will diminish their interest in venturing into this industry, it added.

"The government also needs to examine all the programmes and initiatives that have been implemented, besides redesigning special programmes that can attract youth to join the industry and sustain the existing young fishermen," MARDI said.

Source of generating income

Meanwhile, a fresh seafood trader Ahmad Faris Mohd Bakri, 30, said the government should introduce new initia-

tives to encourage youth to be actively engaged in the fisheries industry.

Awareness and knowledge on the fisheries and agricultural sectors' economic potential should be inculcated at the secondary school level to generate interest among the new generation towards the fisheries sector.

"Young people who hold the key to creating a better future should be motivated instead of being ashamed to venture into whatever fields including fisheries," he added.

Ahmad Faris, however, does not rule out the possibility that the younger generation's lack of interest in the fisheries industry is because the agricultural sector takes the bigger share of government assistance.

"Why not provide as much assistance and facilities to the fisheries sector to attract youth who aspire to be fishing entrepreneurs," he said.

The various skills, knowledge and experience acquired over the years by the older generation of fishermen, such as their ability to predict wind direction based on the moon, should not go to waste, he added.

"These are priceless skills which should be treasured by the country's fishermen especially the younger generation. The onus is on today's youth to continue the fishing legacy, lest it will fall into the hands of foreign fishermen. The fact that domestic demand for seafood which is on the rise bodes well for the fisheries industry," he added. - BNM

Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi jaminan bekalan lembu untuk tujuan ibadah korban menjelang Aidiladha tidak lama lagi mencukupi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang rungutan berhubung isu kekurangan bekalan lembu untuk ibadah korban.

Malah, katanya, harga

lembu juga tidak terlalu tinggi walaupun ia tidak menentu memandangkan faktor harga bergantung kepada jumlah bekalan.

"Setakat ini kita tidak terima sebarang rungutan dan hasil tinjauan mendapati bekalan lembu untuk Aidiladha mencukupi.

"Harga memang tidak menentu kerana ia bergantung

kepada bekalan. Jika kos yang perlu ditanggung peniaga lembu itu tinggi termasuk kos kuarantin, maka mungkin harga yang dijual sedikit tinggi.

"Insya-Allah kita tidak berdepan masalah bekalan lembu untuk Aidiladha nanti. Bukan sahaja lembu, bekalan lain juga tidak berdepan sebarang masalah,"

katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau membuat tinjauan jualan sayur-sayuran dan buah-buahan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pama) Kelantan, Wan Faizatul Ani-

za Ismayatim. Mengulas mengenai tinjauannya itu, Mohamad berkata, harga sayur dan buah-buahan di pasar berkenaan lebih murah berbanding di negeri lain.

Katanya, ia kerana 40 peratus bekalan sayur sayuran serta buah-buahan di RTC Tunjung datang dari Thailand menyebabkan harga lebih murah.

Bekalan lembu korban dijamin cukup

"Kita harap dapat menyediakan bekalan makanan yang berterusan dan peniaga tidak menaikkan harga barangan secara mendadak," katanya.

Pada lawatannya itu, Mohamad turut mengumumkan pekerajaan meluluskan peruntukan RM2 juta untuk menaik taraf bilik sejuk dan stor Fama di Tunjung selain RM200,000 untuk menaik taraf medan kulh-mulh di RTC Tunjung.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2023	THE SUN DAILY	NEWS	4



Zolkefli inspecting a hive behind his house in Kampung Kundur, Negeri Sembilan. – **BERNAMAPIC**

Sweet reward from hobby

GUA MUSANG: What started as a hobby to satisfy his own craving for honey has turned out to be financially rewarding for vegetable seller Zolkefli Rashid.

The 28-year-old trader said the difficulty in getting pure honey had also prompted him to venture into beekeeping, starting with four species of stingless bees – Trigona Itama, Trigona Torasica, Trigona Terminata and Trigona Canifrons.

Zolkefli has been breeding bees at his home in Kampung Kundur for the past five years.

“Initially, I kept only one log of beehive and harvested the honey for my own consumption. I learned the health benefits of drinking pure honey and the difficulty of getting it in the market.

“I gradually expanded my farm and now

have more than 20 logs of beehives behind my house,” he said.

Zolkefli, who sells vegetables at Pasar Borong Gua Musang, said apart from seeking advice from other beekeepers, he also used social media to learn the proper methods of breeding in order to produce quality honey.

“For sure, the venture comes with challenges. I have been cheated by people before and have unknowingly bought damaged beehive logs. The logs have also been attacked by frogs, lizards and ants.

“But I get the satisfaction of collecting pure honey every month. The harvest can exceed two kilogrammes,” said Zolkefli, who earns almost RM1,000 a month.

He sells his honey for between RM30 and RM180 per bottle. – **Bernama**

Harga ikan, hasil tangkapan laut terus meningkat

Kuala Kedah: Harga ikan dari sini, terus meningkat berikutan keadaan ombak kuat dan angin kencang sejak hampir sebulan lalu.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini mendapati hasil tangkapan ikan kembung mencecah RM15 sekilogram berbanding RM7 hingga RM10.

Nelayan mendakwa kekurangan hasil tangkapan ikan serta hasil tangkapan laut mungkin akan berlarutan sehingga Aidiladha bergantung pada keadaan cuaca walaupun mendapat permintaan tinggi.

Nelayan, Nazri Ahmad, 52, berkata, keadaan ombak di tengah laut setinggi 0.5 hingga 1.5 meter menyebabkan kebanyakan nelayan terpaksa berpatah balik kerana bimbang dipukul ombak.

Katanya, dia hanya menangkap ikan di pesisir kuala seawal 6 pagi dan pulang ke pelantar sekitar jam 9 atau 10 pagi dengan hasil tangkapan sekitar satu atau dua kilogram sahaja.

"Ditambah pula dengan musim kurang musim ikan



PENIAGA hasil tangkapan laut di Kampung Seberang Kota. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

waktu ini, tangkapan diperoleh cukup walaupun sedikit.

"Antara ikan yang selalu

dapat adalah senangin, gelama, tamban dan kembung. Cukuplah untuk modal duit minyak dan untuk makan

setiap hari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga ikan, Khadijah Md Syah, 48, berkata, hasil ikan



UDANG putih yang dijual peniaga

dan hasil laut yang berketurunan merunsingkan peniaga serta nelayan kerana jualan merosot.

Katanya, mereka hanya bergantung pada hasil jualan ikan dan tangkapan laut setiap hari tetapi disebabkan tangkapan ikan kurang, mereka tidak dapat berbuat apa-apa melainkan menjual apa yang ada.

"Harga ikan kembung hari ini (semalam) sekitar RM15 sekilo dan mungkin, lebih

mahal di pasar awam kerana di sini kami jual dengan harga peraih yang lebih murah.

